

PELAKSANAAN KAEDAH HEUTAGOGI DALAM PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)

THE IMPLEMENTATION OF THE HEUTAGOGICAL APPROACH IN ISLAMIC EDUCATION LEARNING IN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS (HEIS)

Nur Atiqah Md Yusof¹
Norhapizah Binti Mohd Burhan²

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
(E-mail: atiqahmdyusof97@gmail.com)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak, Pahang, Malaysia (E-mail: izahuiaum@uitm.edu.my)

*Corresponding author: atiqahmdyusof97@gmail.com

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Md Yusof, N. A., & Mohd Burhan, N. (2025).
Pelaksanaan kaedah heutagogi dalam pembelajaran
Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)..
*Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 10 (77), 377 – 387.

Abstract: Pelaksanaan kaedah heutagogi dalam pembelajaran Pendidikan Islam sejajar dengan aspirasi pendidikan holistik di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan tuntutan abad ke-21. Heutagogi merupakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar yang menekankan autonomi, fleksibiliti serta keupayaan reflektif dalam mengurus pembelajaran sendiri. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya masih berdepan cabaran utama seperti tahap motivasi pelajar yang rendah, kekurangan modul pengajaran yang sesuai serta ketiadaan bimbingan berstruktur dan maklum balas berterusan daripada pensyarah. Kajian ini dilaksanakan berasaskan tiga objektif utama iaitu mengenal pasti konsep dan elemen heutagogi dalam konteks Pendidikan Islam, menganalisis kelebihan heutagogi dalam meningkatkan keupayaan pembelajaran sendiri pelajar, serta mengenal pasti cabaran pelaksanaannya dalam pengajaran Pendidikan Islam di IPT. Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen berkaitan pelaksanaan heutagogi dalam Pendidikan Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa heutagogi berupaya meningkatkan kemahiran reflektif, menggalakkan kreativiti, serta memperkukuh keupayaan membuat keputusan pelajar. Selain itu, pelajar turut menunjukkan kemajuan dalam merancang, melaksana dan menilai pembelajaran secara lebih bebas dan bertanggungjawab. Dapatan ini memberi implikasi penting terhadap pembangunan kurikulum, reka bentuk pengajaran serta strategi sokongan institusi agar pelaksanaan heutagogi dapat direalisasikan secara menyeluruh dan berimpak tinggi. Kesimpulannya, kajian ini menegaskan kepentingan memperkayakan pedagogi Pendidikan Islam melalui penekanan terhadap pembelajaran sendiri yang holistik. Justeru, pelaksanaan kaedah heutagogi di peringkat pendidikan tinggi wajar diberi perhatian bagi melahirkan pelajar abad ke-21 yang berdaya saing, berfikiran kritis serta bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka.

Kata Kunci: *Heutagogi; Pendidikan Islam; Institusi Pengajian Tinggi; Pembelajaran Kendiri; Strategi Pengajaran; Kemahiran Reflektif; Pendidikan Abad ke-21*

Abstract: *This paper examines the integration of the heutagogical approach in Islamic Education in alignment with the aspirations of holistic education within Higher Education Institutions (HEIs) and the competencies required in the 21st century. Heutagogy, as a learner-centered approach, emphasizes autonomy, flexibility, and reflective capacity in promoting self-directed learning. Despite its promising potential, the application of heutagogy in Islamic Education continues to face several challenges, including low student motivation, the limited availability of appropriate teaching modules and the lack of structured guidance and continuous feedback from lecturers. There are three main objectives of this study: 1) to identify the key concepts and elements of heutagogy within the context of Islamic Education, 2) to analyze its advantages in enhancing students' self-directed learning abilities, and 3) to examine the challenges related to its implementation in HEIs. Adopting a qualitative design, this study employs document analysis to review relevant literature and empirical evidence concerning heutagogical practices in Islamic Education. The findings reveal that heutagogy enhances students' reflective thinking, creativity, and decision-making abilities, while simultaneously fostering greater independence and responsibility in their learning process. These outcomes carry important implications for curriculum innovation, instructional design and institutional support systems that promote holistic and meaningful learning experiences. In conclusion, this paper highlights the importance of embedding heutagogical principles in Islamic Education to nurture self-directed, reflective, and values-driven learners. The heutagogical approach is therefore instrumental in developing 21st-century Muslim learners who are critical, adaptive, and ethically responsible in managing their own learning.*

Keywords: *Heutagogy; Islamic Education; Higher Education Institutions; Self-Directed Learning; Teaching Strategies; Reflective Skills; 21st-Century Education*

Pengenalan

Pendekatan heutagogi, atau pembelajaran sendiri (*self-determined learning*) menekankan autonomi, kebebasan dan tanggungjawab pelajar dalam mengurus proses pembelajaran mereka. Tidak seperti pendekatan tradisional yang berpusatkan guru, heutagogi meletakkan pelajar sebagai agen utama pembelajaran manakala pensyarah berperanan sebagai fasilitator yang membimbing, memberi sokongan serta mencetuskan refleksi kritikal (Blaschke & Hase, 2021). Pendekatan ini mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih fleksibel dan responsif terhadap keperluan semasa, disokong oleh kemajuan teknologi digital yang membolehkan akses ilmu tanpa batasan masa dan tempat. Selain itu, heutagogi berupaya membangunkan kemahiran insaniah seperti pemikiran kritis, komunikasi, kolaborasi dan penyelesaian masalah yang menjadi teras dalam kerangka pembelajaran abad ke-21. Dalam konteks Institusi Pengajian Tinggi (IPT), pelaksanaan pendekatan ini semakin signifikan, khususnya pasca-pandemik COVID-19 dan dalam era Revolusi Industri 4.0 yang menuntut proses pembelajaran yang lebih fleksibel, berorientasikan sendiri serta relevan dengan cabaran global semasa (Norwahida Saamri et al., 2021).

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti konsep serta elemen utama kaedah heutagogi dalam konteks pembelajaran Pendidikan Islam di IPT, di samping menganalisis kelebihan pelaksanaannya dalam memperkukuh keupayaan pembelajaran sendiri dan pembangunan kemahiran insaniah pelajar. Kajian ini juga meneliti cabaran serta kekangan yang dihadapi dalam melaksanakan kaedah heutagogi, khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di peringkat IPT.

Pernyataan Masalah

Dalam konteks Pendidikan Islam, pelaksanaan heutagogi perlu diperkaya dengan nilai-nilai Islam seperti amanah, akhlak dan tanggungjawab agar pelajar bukan sahaja memperoleh pengetahuan, tetapi juga berkembang sebagai individu beretika dan bermoral. Kajian menunjukkan bahawa pembelajaran sendiri berupaya meningkatkan keupayaan pelajar dalam merancang, menilai dan mengakses maklumat secara kritis, di samping memupuk kemahiran insaniah serta reflektif (Zubaidah et al., 2022; Hashim et al., 2023). Perkembangan pesat pembelajaran digital pasca-pandemik dan tuntutan Revolusi Industri 4.0 turut memperkukuh keperluan agar pensyarah menguasai kemahiran pedagogi digital bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif, responsif dan sejajar dengan keperluan semasa (Ain Nur Atika Agus, 2021; Mohamed Faizul Mat Som et al., 2021).

Walaupun pendekatan heutagogi telah mendapat tempat dalam bidang kejuruteraan, perniagaan dan sains sosial, aplikasinya dalam Pendidikan Islam masih terbatas serta belum dibangunkan secara sistematik. Tambahan pula, ketiadaan model khusus yang menyepadukan heutagogi dengan prinsip serta nilai Islam secara menyeluruh telah mewujudkan jurang pengetahuan yang ketara dalam konteks pengajian Islam di IPT (Faridah et al., 2023). Hal ini menuntut usaha strategik untuk merangka pendekatan yang lebih komprehensif dan membangunkan model pembelajaran berasaskan heutagogi yang selari dengan aspirasi Pendidikan Islam kontemporari serta mampu mendepani cabaran pendidikan abad ke-21.

Namun, pelaksanaan pendekatan ini masih berdepan dengan pelbagai cabaran. Antaranya ialah kebergantungan pelajar kepada pensyarah, budaya pembelajaran pasif, serta ketiadaan modul dan strategi pengajaran yang sesuai bagi menyokong pembelajaran sendiri (Abdullah, 2017; Idris & Mokodenseho, 2021). Di samping itu, tahap motivasi pelajar yang rendah serta kelemahan dalam penguasaan teknologi digital turut menjejaskan keberkesanan pelaksanaan

heutagogi (Syed Omar et al., 2024; Ahmad & Rahman, 2025). Keadaan ini bukan sahaja melemahkan fungsi kurikulum Pendidikan Islam, malah menghalang usaha melahirkan pelajar yang reflektif, berdikari, dan berdaya saing di peringkat global (Okta Farhan Syahendra, 2024; Zainuddin et al., 2025). Oleh itu, pelaksanaan heutagogi dalam Pendidikan Islam di IPT perlu diberi perhatian serius agar dapat direalisasikan secara menyeluruh serta menyumbang kepada transformasi pendidikan tinggi yang lebih inklusif, fleksibel, dan berimpak tinggi.

Kajian Literatur

Perubahan pesat dalam landskap pendidikan tinggi menuntut pendekatan pembelajaran yang lebih fleksibel, berfokuskan pelajar dan relevan dengan perkembangan teknologi digital. Pendekatan heutagogi atau *self-determined learning* muncul sebagai alternatif yang menekankan autonomi pelajar dalam mengurus pembelajaran, di samping memupuk kemahiran refleksi dan kolaborasi (Blaschke & Hase, 2023). Elemen heutagogi seperti meneroka, mencipta, berkolaborasi, berhubung, berkongsi dan bermuhasabah memberi peluang kepada pelajar menyesuaikan proses pembelajaran mengikut keperluan individu (Norwahida Saamri et al., 2021).

Kajian lepas menunjukkan bahawa heutagogi mampu meningkatkan motivasi, kemahiran sendiri, serta kecekapan pelajar dalam membuat keputusan pembelajaran (Kaur et al., 2023; Zubaidah et al., 2022). Pendekatan ini juga selari dengan tuntutan pembelajaran abad ke-21 dan Revolusi Industri 4.0 yang menekankan kemahiran insaniah seperti pemikiran kritis, komunikasi dan penyelesaian masalah (Hashim et al., 2023). Justeru, ia dilihat sebagai strategi yang signifikan untuk diaplikasikan dalam konteks pendidikan tinggi.

Namun, pelaksanaan heutagogi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) masih berdepan pelbagai cabaran. Antaranya termasuk dominasi pendekatan tradisional berpusatkan pensyarah, kurangnya kemahiran digital dalam kalangan pengajar, serta tahap kesediaan pelajar yang sederhana untuk mengurus pembelajaran sendiri (Noor Muslieah et al., 2022; Norhayati et al., 2024). Keadaan ini sering mengakibatkan pelajar lebih bergantung kepada pensyarah dan kurang proaktif dalam proses pembelajaran.

Tambahan pula, beberapa kajian melaporkan tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran sendiri dan digital masih belum optimum. Faktor seperti kekurangan sokongan persekitaran, kelemahan fasilitasi, serta kekangan budaya pembelajaran tradisional menjadi penghalang kepada keberkesanan pelaksanaan heutagogi di IPT (Syed Omar et al., 2024; Ali et al., 2022). Hal ini memberi implikasi bahawa usaha penerapan heutagogi memerlukan strategi lebih menyeluruh, termasuk pengukuhan pedagogi digital dan peranan pensyarah sebagai fasilitator.

Oleh itu, wujud jurang penyelidikan yang jelas dalam konteks pelaksanaan heutagogi di IPT, khususnya berkaitan keberkesanan, cabaran, dan strategi pelaksanaannya. Kebanyakan kajian tertumpu pada bidang sains, kejuruteraan, dan perniagaan, manakala dalam konteks Pendidikan Islam masih terhad. Justeru, kajian ini penting untuk meneliti konsep, potensi, serta kekangan utama pendekatan heutagogi dalam pembelajaran Pendidikan Islam di IPT.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneliti pelaksanaan kaedah heutagogi dalam pembelajaran Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Reka bentuk kajian berasaskan analisis kandungan (*content analysis*) dengan memberi tumpuan kepada artikel-artikel jurnal yang diperoleh melalui pangkalan data *Google Scholar* dalam tempoh tahun 2020

hingga 2025 khususnya yang berfokus pada konteks Pendidikan Islam. Kaedah analisis kandungan dipilih kerana ia sesuai untuk mengenal pasti pola, tema, dan isu utama berkaitan pelaksanaan heutagogi secara sistematik. Pendekatan ini turut membolehkan penyelidik melakukan triangulasi dengan literatur terdahulu sekaligus meningkatkan kesahihan serta kebolehpercayaan dapatan.

Pemilihan tempoh lima tahun (2020–2025) adalah signifikan kerana ia meliputi era pasca pandemik COVID-19 yang menyaksikan peralihan besar-besaran kepada pembelajaran digital. Perubahan ini telah mencetuskan keperluan baharu terhadap pendekatan heutagogi yang menekankan pembelajaran sendiri, fleksibiliti serta integrasi teknologi dalam pendidikan. Selain itu, pandemik turut mendorong penggunaan kaedah pembelajaran sendiri, pembelajaran dalam talian dan teknologi digital secara lebih meluas dengan menjadikan tempoh ini sebagai fasa kritikal untuk menilai keberkesanan serta cabaran pelaksanaan heutagogi dalam konteks Pendidikan Islam. Di samping itu, tempoh ini juga membolehkan penyelidik meneliti dapatan terkini yang lebih relevan dengan keperluan pendidikan tinggi yang fleksibel, lestari dan berdaya saing global. Melalui reka bentuk ini, kajian diharapkan dapat memberikan gambaran yang komprehensif mengenai tahap kesediaan, potensi, cabaran dan strategi pelaksanaan pendekatan heutagogi dalam pembelajaran Pendidikan Islam di IPT.

Hasil Dapatan Kajian

Jadual 1: Analisis Dokumen Kajian Pelaksanaan Heutagogi dalam Pendidikan Islam di IPT (2020–2025)

Bil	Tajuk Artikel	Metodologi Kajian	Hasil Dapatan	Cabaran Pelaksanaan
1.	Heutagogy Approach in Islamic Media Course Learning for Muslim Gen-Z Students in Malaysia	Kualitatif (FGD dengan pensyarah & pelajar)	Mengenal pasti 6 elemen heutagogi (<i>exploring, creating, collaborating, connecting, sharing, reflecting</i>) yang meningkatkan kreativiti & kolaborasi pelajar	Pensyarah masih bergantung pada kaedah tradisional; tahap kesediaan dan motivasi pelajar tidak seimbang
2.	Integrating Heutagogy and Flipped Learning in Islamic Higher Education: A Framework for Knowledge Construction and Self-Directed Learning	Kajian konseptual & cadangan model	Kerangka gabungan <i>heutagogy & flipped classroom</i> meningkatkan pembelajaran sendiri dan refleksi kritis	Kurikulum IPT masih rigid; pensyarah kurang kepakaran melaksanakan model fleksibel
3.	Blended Learning Based on Heutagogy as a Determinant of Student Engagement in Islamic Education	Kuantitatif (soal selidik pelajar IPT)	Heutagogi-blended meningkatkan keterlibatan, motivasi dan literasi digital pelajar PAI	Akses infrastruktur digital tidak seimbang; pelajar luar bandar hadapi masalah capaian internet

4.	Sinergi Pembelajaran Pendidikan Islam Berasaskan Heutagogi-Mediamorphosis	Analisis konseptual (dokumen dan teori media)	Heutagogi melalui mediamorfosis membolehkan penggunaan media sosial untuk pembelajaran PAI yang lebih interaktif	Risiko penyalahgunaan kebebasan akademik; perlunya kawalan adab & etika Islam
5.	Actualization of Heutagogy Learning in Islamic Religious Education Learning	Analisis literatur (<i>systematic review</i>)	Heutagogi dalam PAI kembangkan refleksi, kreativiti dan tanggungjawab pelajar	Literasi digital pelajar rendah; pensyarah kurang menyediakan aktiviti sendiri
6.	Feasibility Study of MOOC in Supporting Self Determined Learning in State Islamic Higher Education: Uses Heutagogy Approach	Kajian kebolehlaksanaan (analisis MOOC di IPT Islam)	MOOC berasaskan heutagogi tingkatkan fleksibiliti pembelajaran sendiri dan akses terbuka	IPT Islam kurang bersedia dari aspek teknologi; pensyarah perlu latihan mengurus MOOC heutagogi
7.	Pendekatan Heutagogi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PDPR) Menggunakan M-Pembelajaran	Kajian kes kualitatif terdiri daripada 7 guru Pendidikan Islam menengah, temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen	Aplikasi m-pembelajaran digunakan. Guru sebagai fasilitator dan perancang aktiviti. Aktiviti interaktif seperti perbincangan kumpulan bagi meningkatkan motivasi pelajar.	Guru masih cenderung kepada pedagogi konvensional. Murid kurang literasi digital & motivasi. Akses teknologi dan internet tidak seimbang. Kesukaran adaptasi norma baharu PDPR

Analisis dokumen terhadap kajian pelaksanaan heutagogi dalam Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi tempoh 2020 hingga 2025 memperlihatkan perbincangan yang mendalam daripada segi elemen dan konsep, kelebihan pelaksanaan, serta cabaran yang dihadapi. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa pendekatan heutagogi semakin mendapat perhatian dalam konteks pendidikan Islam, namun pelaksanaannya masih berdepan dengan kekangan struktur, pedagogi, teknologi dan nilai yang memerlukan perhatian serius.

Dari segi elemen dan konsep heutagogi, kajian terdahulu menekankan kepentingan autonomi dan kebebasan pelajar dalam menentukan hala tuju pembelajaran mereka. Rasit, Burhan & Osman (2024) mengenal pasti enam elemen utama heutagogi iaitu penerokaan, penciptaan, kolaborasi, perhubungan, perkongsian dan refleksi, yang membentuk asas pembelajaran sendiri secara menyeluruh serta memperkukuh pemikiran kritis dan reflektif. Al-Mawangir et al. (2025) pula mengemukakan kerangka gabungan heutagogi dengan pendekatan *flipped classroom* yang menekankan integrasi teknologi dan memperkukuh peranan pensyarah sebagai fasilitator. Dalam konteks pembelajaran digital, Nur Muslieah et al. (2021) menjelaskan bahawa penggunaan aplikasi *m-learning* seperti *Google Meet*, *WhatsApp*, *YouTube*, *Google Form* dan *Google Classroom* membolehkan pelajar diberi autonomi untuk memilih aplikasi dan bahan pembelajaran, sementara pendidik bertindak sebagai pemudah cara. Aktiviti interaktif

seperti pembentangan, perbincangan kumpulan dan kebebasan bersuara didapati berupaya meningkatkan motivasi dan keterlibatan pelajar secara lebih bermakna.

Bagi aspek kelebihan pelaksanaan, dapatan kajian membuktikan bahawa heutagogi memberi impak positif terhadap kemenjadian pelajar. Salsabila et al. (2022) mendapati pendekatan *blended learning* berasaskan heutagogi meningkatkan motivasi, keterlibatan aktif, serta literasi digital pelajar Pendidikan Islam. Kajian Ni'matus Sholihah et al. (2024) turut menunjukkan bahawa heutagogi membentuk pelajar yang reflektif, kreatif dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri, selari dengan aspirasi Pendidikan Islam yang menekankan keseimbangan antara ilmu dan akhlak. Sumarsono et al. (2021) pula mendapati bahawa pelaksanaan *MOOC* berasaskan heutagogi dapat memperluaskan akses pembelajaran sendiri dan memberikan fleksibiliti kepada pelajar, sekali gus menyokong pembelajaran sepanjang hayat. Dalam konteks tempatan, Mustafa Kamal et al. (2021) menjelaskan bahawa integrasi *m-learning* dengan heutagogi bukan sahaja memudahkan pelaksanaan pembelajaran jarak jauh, tetapi turut meningkatkan motivasi pelajar melalui aktiviti interaktif dan ruang kebebasan bersuara. Secara keseluruhannya, kelebihan ini menegaskan bahawa heutagogi berpotensi besar dalam menyokong aspirasi pendidikan abad ke-21, khususnya dalam memperkukuh pembelajaran sendiri, fleksibiliti, serta penguasaan kemahiran digital dan penghayatan nilai Islami.

Walaupun begitu, analisis turut mengenal pasti beberapa cabaran pelaksanaan yang masih membataskan keberkesanan pendekatan ini di IPT. Dari sudut kurikulum, Al-Mawangir et al. (2025) menjelaskan bahawa struktur kurikulum yang rigid dan berorientasikan peperiksaan masih menyukarkan fleksibiliti pembelajaran yang dituntut oleh heutagogi. Dari perspektif pensyarah, Bhattacharya et al. (2021) dan Syahri (2024) mendapati ramai tenaga pengajar masih kekurangan kepakaran serta latihan dalam mengaplikasikan strategi pembelajaran berpusatkan pelajar, malah cenderung mengekalkan pendekatan tradisional. Dari sudut pelajar, isu motivasi rendah, literasi digital yang lemah, serta tahap kesediaan yang tidak seimbang menjadi penghalang besar terhadap kejayaan pelaksanaan heutagogi (Syahri, 2024). Mustafa Kamal et al. (2021) juga mendapati bahawa sebahagian pelajar menghadapi kesukaran menyesuaikan diri dengan norma baharu pembelajaran digital. Cabaran infrastruktur turut diketengahkan oleh Salsabila et al. (2022) yang menekankan jurang capaian internet antara pelajar bandar dan luar bandar, manakala Kamelia et al. (2021) menjelaskan bahawa IPT Islam masih kurang bersedia dari segi ekosistem teknologi untuk menyokong pelaksanaan heutagogi secara meluas. Selain itu, Zelani (2021) menegaskan risiko penyalahgunaan kebebasan pembelajaran melalui mediamorfosis dan teknologi digital, sekiranya tidak diseimbangkan dengan adab serta etika Islam.

Berdasarkan analisis ini, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan heutagogi dalam Pendidikan Islam di IPT berada pada landasan yang menjanjikan dengan potensi memperkukuh pembelajaran sendiri dan reflektif. Walau bagaimanapun, kejayaannya sangat bergantung kepada keupayaan institusi mengimbangi antara elemen dan konsep, kelebihan serta cabaran yang dikenal pasti. Walaupun potensi heutagogi terbukti memberikan impak positif, jurang kajian masih wujud khususnya dari aspek kajian empirikal berskala besar bagi menilai keberkesanan kerangka praktikal dalam kursus Pendidikan Islam di IPT. Justeru, penyelidikan lanjutan amat diperlukan bagi merumuskan model pelaksanaan holistik yang menyepadukan ilmu, nilai, dan kemahiran, seterusnya menyokong falsafah pendidikan Islam serta aspirasi pendidikan kebangsaan.

Penutup

Kesimpulannya, pelaksanaan pendekatan heutagogi dalam Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berpotensi besar untuk memperkuat proses pembelajaran sendiri yang lebih reflektif, fleksibel dan berorientasikan masa hadapan. Walaupun berdepan dengan cabaran seperti kekangan kurikulum tradisional, kekurangan kepakaran pensyarah, tahap motivasi pelajar yang rendah, serta kesukaran adaptasi teknologi, langkah strategik dapat digerakkan melalui inovasi kurikulum, pembangunan profesional pensyarah, integrasi teknologi digital, serta pengukuhan motivasi dan penghayatan nilai Islam dalam kalangan pelajar.

Secara tidak langsung, pendekatan ini bukan sahaja mampu melahirkan graduan Muslim yang berdaya saing dari segi akademik dan kemahiran abad ke-21, tetapi juga membentuk individu yang berakhlak mulia, beretika, serta seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Justeru, heutagogi dalam konteks Pendidikan Islam tidak boleh dilihat semata-mata sebagai strategi pembelajaran sendiri, sebaliknya perlu difahami sebagai satu kerangka holistik yang menyatukan ilmu, nilai dan kemahiran sebagai asas pembangunan insan Rabbani. Dengan sokongan dasar pendidikan yang inklusif serta komitmen berterusan daripada semua pihak, pendekatan ini diyakini mampu mendorong transformasi pendidikan tinggi Islam yang lebih relevan, lestari, dan berpaksikan nilai, selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 4).

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Norhapizah Binti Mohd Burhan atas bimbingan, panduan berharga serta sokongan yang telah diberikan sepanjang proses penyelidikan ini. Kepakaran dan pandangan beliau amat bernilai dalam membentuk hala tuju kajian ini serta membantu penulis mengatasi pelbagai cabaran yang dihadapi.

Rujukan

- Abdullah, M. A. (2017). Islamic Studies in Higher Education in Indonesia: Challenges, Impact and Prospects for The World Community. *Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies* 55(2): 391–426.
- Abraham, R. R., & Komattil, R. (2017). Heutagogic approach to developing capable learners. *Medical Teacher* 39 (3): 1-5.
- Ahmad Nasir Mohd Yusoff & Noralina, Ali. 2018. Massive Open Online Course in Teaching and Learning of Civilization Of Islam And The Civilization Of Asia (TITAS), Ethnic Relations (HE) And Islamic Studies Of Alaf 21 In Public And Private University. *Proceeding of INSIGHT 2018 1st International Conference on Religion, Social Sciences and Technological Education*.
- Ain Nur Atika Agus. (2021). Keberkesanan Strategi Pengajaran Dalam Talian Berdasarkan Kebolehan Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(2), 98–107.
- Alamsyah, N., & Hidayat, R. (2025). Paradigm of Symbiosis of Values and Eudaimonia of Job Satisfaction in the Transformation of Islamic Educational Organizational Behavior at the Hidayatullah Islamic Institute, Batam. 2.
- Baharun, H., Munawaroh, F., Abdullah, Munawaroh, F., & dkk. (2017). Pengembangan Kurikulum: Teori dan praktik. In Yogyakarta: Pustaka Nurja.
- Blaschke, L.M. (2016). Strategies for Implementing Self-Determined Learning (Heutagogy) within Education: A Comparison of Three Institutions (Australia, South Africa, and Israel). Thesis for: Master of Business Administration. Universität Oldenburg: Germany.
- Blaschke, L. M. (2018). Self-determined Learning (Heutagogy) and Digital Media Creating Integrated Educational Environments for Developing Lifelong Learning Skills. In D. Kergel, B. Heidkamp, P. K. Telléus, T. Rachwal& S. Nowakowski (Eds.), *The Digital Turn in Higher Education: International Perspectives on Learning and Teaching in a Changing World*. Springer Fachmedien Wiesbaden.
- Blaschke, L. M., & Hase, S. (2021). Heutagogy: A Holistic Framework for Creating Twenty-First-Century Self-Determined Learners. In M. R. Power (Ed.), *Emerging Technologies in Virtual Learning Environments* (pp. 27–46). IGI Global.
- Blaschke, L. M., & Hase, S. (2023). Heutagogy In Higher Education: Rethinking Learning for The Future. IGI Global.
- Fathiyatul Haq Mai Al Mawangir, Sutrisno & Muhammad Nasir. (2025). Integrating Heutagogy and Flipped Learning in Islamic Higher Education: A Framework for Student Independence. *Al-Ishlah: Jurnal Pendidikan*, 17(2): 3114-3124.
- Hase, S., & Kenyon, C. (2013). *Self-Determined Learning: Heutagogy in Action*. Bloomsbury Academic.
- Hashim, R., Aziz, M. I., & Tan, J. Y. (2023). Critical Thinking and Independent Learning Among Undergraduate Students During Online Education. *ASEAN Journal of Education*, 13(1): 35–49.
- Idris, M., & Mokodenseho, S. (2021). Model Pendidikan Islam Progresif. *J-PAI: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 7(2): 72–86.
- Kaur, A., Jamaludin, M., & Halim, A. F. (2022). Heutagogical Practices in Malaysian Higher Education: Empowering Autonomous Learners Through Technology. *Asian Journal of University Education*, 18(4): 122–138.
- Mohamed Faizul Mat Som, Zulkifli, A., & Roslina, H. (2021). Digital Pedagogy Competencies Among Lecturers in Malaysian Higher Education Institutions: Challenges and Opportunities. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18(3): 22–36.
- Mohd Sani Badron. (2015). *Konsep Ilmu Dalam Pendidikan Islam*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

- Ni'matus Sholihah, M. Yusuf & Kusaeri. (2024). Actualization of Heutagogy Learning in Islamic Religious Education Learning. *Muaddib: Studi Kependidikan dan Keislaman*, 14(1): 1-12.
- Norwahida Saamri, Safinah Nawawi & Ruzanna Ramli. (2021). Heutagogi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Tinggi: Satu Pendekatan Berpusatkan Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(2): 15–25.
- Nur Muslieah Mustafa Kamal, Zaharah Hussin, Abdul Muhsien Sulaiman & Nurul Nadia Abd Latib. (2021). Pendekatan Heutagogi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PDPR) Menggunakan M-Pembelajaran. *JIER (Journal of Islamic Educational Research)*, 7: 44-65.
- Nurul Aisyah Kamrozzaman, Jamaludin Badusah & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2019. Heutagogy Approach: Effectiveness Of M-Learning for Lifelong Learning Education/ Pendekatan Heutagogi: Keberkesanan M-Pembelajaran Untuk Pendidikan Sepanjang Hayat. *Sains Humanika* 11(3): 1-10.
- Nurul Liyana, A. R., & Zulkifli, H. (2023). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kendiri Dalam Konteks Pendidikan Islam Di IPT. *Jurnal Pendidikan Islam Malaysia*, 41(1): 23–35.
- Okta Farhan Syahendra. (2024). Tantangan Dan Inovasi Pendidikan Islam Di Era Digital: Membangun Generasi Berkarakter Di Era Modern. *Bhinneka: Jurnal Bintang Pendidikan dan Bahasa*, 2(3): 74-89.
- Putra, A. B. N. R., Syafrudie, H. A., Nidhom, A. M., Smaragdina, A. A., Md Yunos, J. B., Sembiring, A. I., & Eriyanto. 2020. The Innovation of Module Training Based Heutagogy As an Acceleration for Increasing Pedagogical Supremacy of Vocational Education Lecturers in The Industrial Revolution 4.0. *Journal of Physics: Conference Series* 1456 (1): 1–7.
- Rasit, M.R, Burhan, N.M, & Osman, K. (2024). Heutagogy Approach in Islamic Media Course Learning for Muslim Gen-Z Students in Malaysia. *Educational Administration: Theory and Practice*, 30(5): 6470–6478.
- Ruzainim Mohd Zelani, Norhapizah Mohd Burhan, Rosmawati Mohd Rasit & Lokman Abdul Rasol. (2021). Sinergi Pembelajaran Pendidikan Islam Berasaskan Kaedah Pembelajaran Heutagogi-Mediamorphosis Di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 8 (1): 122-131.
- Sumarsono, Sutrisno & Agung Fatwanto. (2021). Feasibility study of Massive Open Online Course (MOOC) in Supporting Self-Determined Learning in State Islamic Higher Education. *Compiler: Journal of Computer Science and Informatics*, 10(2): 109-116.
- Susyanto, B. (2022). Manajemen Lembaga Pendidikan Islam Dalam Menghadapi Era Digital. *Al-Madrasah: Jurnal Pendidikan Madrasah Ibtidaiyah*, 6(3): 692–705.
- Syed Omar, N. A., Rahim, M. S., & Halim, M. A. (2024). Student Autonomy and Attitude Towards Self-Directed Learning in Islamic Education. *Asian Journal of Islamic Pedagogy*, 3(1): 1–12.
- Unik Hanifah Salsabila, Sukiman & Sibawaihi. (2022). Blended Learning Based on Heutagogy as a Determinant of Student Engagement in Islamic Education. *Jurnal Pendidikan Progresif*, 12(1): 394-404.
- Wan Amizah Wan Mahmud & Muhammad Adnan Pitchan. (2017). Media Baharu Dan Institusi Raja di Malaysia: Kes Penghinaan Raja-Raja di Media Sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 33 (1): 406–422.
- Wan Khairul Aiman Wan Mokhtar, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Abdul Hanis, Embong, Ahmad Aizuddin Md Rami, Mohammad Syukri Jalil & Arina Athiyallah. (2024).

- Way of Life: Students' Motivation Towards Learning the Quran And Hadith in Malaysia. *International Journal of Religion*, 5(9): 673 – 684.
- Zainal Abidin, RAH. (2023). Academic Ethics in The Perspective of Islamic Education. *Journal of Research and Education Studies* 3(1): 11–20.
- Zainuddin, Amrullah, A. M. K., & Zuhriyah, I. A. (2025). The Challenges of Developing Islamic Education Curriculum and Strategies for Its Development in Facing Future Competency Demands. *Tafkir: Interdisciplinary Journal of Islamic Education* 6(1): 111–126.
- Zubaidah, H., Ramli, M. R., & Fauziah, A. H. (2022). Self-Directed Learning Readiness Among Malaysian University Students: A Post-Pandemic Evaluation. *Journal of Educational Research and Practice* 12(2): 115–130.